KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **2 JULAI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 19

# 8 stesen minyak di Kelantan kena kompaun RM24,000

## Pengusaha bersubahat jual bahan api kepada individu untuk penyeludupan

Oleh Sharifah Mahsinah Abdullah
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Lapan pengusaha stesen minyak di Kelantan dikenakan kompaun berjumlah RM24,000 kerana menjual bahan api itu kepada individu untuk tujuan penyeludupan.

Pengusaha stesen minyak yang bersubahat dengan mereka yang disyaki penyeludup itu diberi notis kompaun menerusi operasi yang jalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata lapan pengusaha itu mengendalikan stesen minyak yang berada pada jarak 25 kilometer (km) dari sempadan dan jumlah kompaun dikeluarkan antara Januari hingga 29 Jun.



*Azman Ismail*

"Kompaun dikeluarkan kerana mereka melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961. Lima lagi kes masih dalam siasatan.

"Dalam tempoh yang sama, kita merampas sebanyak 30,000 liter RON95 dan 68,000 liter diesel," katanya.

### 443 kes sejak awal tahun

Mengulas mengenai Ops Tiris, Azman berkata, sebanyak 443 kes direkodkan sejak awal tahun ini dengan rampasan barangan bernilai kira-kira RM3 juta.

Katanya, lebih 100 orang ditahan dalam operasi itu dan mereka terdiri warga tempatan dan warga asing.

"Dalam operasi itu, kita sudah memeriksa 39,650 premis dan 12,263 kenderaan.

"Daripada 12,263 itu, sejumlah 205 kenderaan dirampas dipercayai digunakan dalam aktiviti penyeludupan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 37

# HeiTech jadi penyedia teknologi digital bersepadu



SALMI NADIA

**PETALING JAYA** – HeiTech Padu Berhad (HeiTech) bersedia untuk menerajui transformasi digital merentasi pelbagai industri melalui penyelesaian digitalnya untuk pertumbuhan kewangan yang mampan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Salmi Nadia Mohd Hilmey berkata, aspirasi Kumpulan adalah untuk menjadi penyedia teknologi digital menyeluruh dengan menawarkan penyelesaian holistik merangkumi penyelesaian bandar pintar, perkhidmatan perusahaan, teknologi penjagaan kesihatan, sistem tenaga dan kuasa, inovasi automotif dan teknologi pertahanan.

"Kami sedang mengatur dan mempertingkatkan tawaran kami untuk memenuhi keperluan pasaran hari ini yang semakin berkembang bagi memastikan kerelevanan dan daya saing.

"Melalui kepakaran dalam penyelesaian bandar pintar, kami menyasarkan untuk terus memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara melalui Internet Benda (IoT), Kepintaran Buatan (AI) dan analisis data," katanya dalam kenyataan semalam.

Daripada penyedia perkhidmatan penyepaduan sistem dan infrastruktur teras, HeiTech telah berkembang menjadi penyedia produk dan perkhidmatan teknologi digital melalui penciptaan produknya sendiri merangkumi sistem tempat letak kereta pintar, e-KYC, gerbang pembayaran secara elektronik serta aplikasi pintar.

Penyelesaian tempat letak kereta pintar HeiTech, Park Smart Plus (PS+), memanfaatkan teknologi geolokasi untuk memberikan pengalaman parkir yang lancar dan meningkatkan pengurusan trafik, kecekapan tenaga dan pengurangan jejak karbon.

Selain itu, sistem pengurusan pihak berkuasa tempatan Kumpulan iaitu Kolleq, meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan.

Baru-baru ini, HeiTech mengumumkan prestasi kewangan lebih kukuh untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2024, dengan keuntungan selepas cukai RM231,000 berbanding kerugian selepas cukai RM3.34 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Kedudukan Kumpulan kekal kukuh dalam sektor awam dan swasta dengan perolehan kontrak baharu, antaranya dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Kesihatan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 13

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

# Kain rentang dah turun!

## *KPDN Johor terima aduan promosi durian kampung dijual harga murah tapi mengelirukan*

**Johor Bahru**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menerima dua aduan berhubung isu tular kain rentang promosi durian kampung yang dijual pada harga murah dan mengelirukan pengguna di Johor Jaya di sini.

Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo berkata, pihaknya sudah lakukan pemeriksaan terhadap premis terbabit pada kelmarin dan mendapati kain rentang itu sudah diturunkan pemilik premis itu.

Menurutnya, aduan yang diterima pada petang Sabtu dan kelmarin daripada pengadu yang berbeza.

"Pihak kami membuat pemeriksaan di premis terbabit pada waktu operasinya iaitu tengah hari.

"Pemeriksaan mendapati kain rentang iklan promosi durian kampung pada RM30/pax yang tular sudah diturunkan sebelum kedatangan penguat kuasa KPDN.

"Hasil siasatan pemilik mengakui sudah menurunkan kain rentang promosi terbabit selepas menyedari ia tular di media sosial.

"Pemeriksaan terhadap premis itu mendapati alat timbang yang digunakan masih dalam tempoh sah dan pihak premis juga mempamerkan dengan jelas tag harga pada barangan yang dijual.

"Pihak kami juga memberi advokasi kepada pemilik premis berhubung iklan promosi yang jelas dan tidak mengelirukan.

"Tidak yang mempunyai butiran promosi terbabit sah sehingga bila atau mempunyai had pelanggan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurut Lilis Saslinda, tindakan tidak boleh dibuat kerana kain rentang yang tular sudah diturunkan sebelum pemeriksaan dijalankan.

Justeru itu, katanya, pihaknya menasihati masyarakat agar sentiasa peka dan membuat aduan dalam masa sama sebelum menularkan di media sosial.

"Kalau kita lihat dalam hantaran tular memang ada tulis nama KPDN tetapi tidak ditag dan kami tidak menerima laporan atau aduan awal berhubung isu ini.

"Sekiranya masyarakat terjumpa kesalahan dibuat kalangan peniaga, saya mohon jangan tular dulu dan terus buat aduan agar bahan bukti tidak sempat disorokkan atau diturunkan," katanya.

Kelmarin, tular satu hantaran di media sosial mendakwa kain rentang promosi durian kampung RM30 per pax tidak wujud, yang ada hanya berharga RM60 dan RM80.

Hantaran terbabit juga mendakwa promosi itu menipu pengguna kerana sudah empat hari ke premis untuk bertanyakan promosi berkenaan tetapi sudah tiada.

> **"Hasil siasatan pemilik mengakui sudah menurunkan kain rentang promosi terbabit"**
>
> *Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo*



KAIN rentang bufet durian murah yang mengelirukan di Johor Jaya tular di media sosial.




ORANG ramai membeli buah durian di gerai Durian Poksu Merah di tepi jalan berdekatan simpang masuk perkampungan Sungai Isap, Kuantan. Bekalan durian yang banyak dari Johor membolehkan ramai penjaja buah di Kuantan mengambil peluang menjual raja buah itu. Tinjauan sekitar Kuantan mendapati ramai penjaja buah kini beralih arah dengan menjual buah durian ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Mereka turut menyediakan meja dan kerusi untuk pelanggan terus menikmati keenakan buah tersebut.

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 2/7/2024

M/SURAT: 18

BERSEKONGKOL DENGAN PENYELUDUP

# Lapan tauke stesen minyak dikompaun

**Kota Bharu:** Lapan pengusaha stesen minyak di Kelantan dikenakan kompaun berjumlah RM24,000 kerana menjual bahan api itu kepada individu untuk tujuan penyeludupan.

Pengusaha stesen minyak yang bersubahat dengan individu dipercayai penyeludup diberi notis kompaun menerusi operasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, lapan stesen minyak itu berada dalam jarak 25 kilometer (km) dari sempadan dan kompaun dikeluarkan antara Januari hingga 29 Jun lalu.

"Kompaun dikeluarkan kerana mereka melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961. Selain itu, lima lagi kes masih dalam siasatan.

"Dalam tempoh sama, kami merampas 30,000 liter RON95 dan 58,000 liter diesel," katanya.

Mengulas mengenai Ops Tiris, beliau berkata, sebanyak 423 kes direkodkan sejak awal tahun ini dengan rampasan barangan bernilai kira-kira RM3 juta.

Beliau berkata, lebih 100 orang ditahan dalam operasi itu dan mereka terdiri daripada warga tempatan dan asing.

"Dalam operasi itu, kami sudah memeriksa 39,650 premis dan 12,263 kenderaan. Daripada 12,263 itu, 205 kenderaan dirampas dipercayai digunakan dalam aktiviti penyeludupan," katanya.



AZMAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 2



SEBAHAGIAN tangkapan dalam operasi tersebut.

# Ops Bersepadu: 33 PTI ditahan

**Lagatah Toyos**

TAWAU: Seramai 684 individu diperiksa semasa Operasi Bersepadu (OB) yang dikoordinasikan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) di daerah ini pada Khamis dan Jumaat lalu.

Komander Esscom, Datuk Victor Sanjos berkata, 33 pendatang tanpa izin (PTI) ditahan lanjut kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Selain itu, katanya, 143 pelbagai jenis pengangkutan laut dan kenderaan turut diperiksa dalam operasi dua hari itu, yang dijalankan di sekitar kawasan Jeti Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) lama di sini.

Menurutnya, Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau pula menahan dua individu dan merampas 5.53 gram dadah jenis syabu.

"Suspek dan dadah itu dibawa ke IPD Tawau untuk saringan ujian air kencing dan siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 12 (2) dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952," katanya dalam kenyataan, Isnin.

Victor berkata, dalam operasi sama, Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Tawau menahan seorang individu kerana menyalahi syarat lesen di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) dan kes diserahkan kepada pihak JPDS untuk tindakan selanjutnya.

Manakala, katanya, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tawau menahan seorang individu dan merampas 160 liter minyak diesel bersubsidi, termasuk sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga menahan seorang individu dan merampas 12 liter minuman keras tempatan di bawah Akta Kastam 1967.

"Jumlah anggaran nilai rampasan oleh KPDN dan JKDM ialah sebanyak RM 11,165.50," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, operasi itu dijayakan oleh 109 pegawai dan anggota daripada pelbagai jabatan dan agensi.

Katanya, objektif utama operasi yang dijalankan dengan kerjasama PDRM, APMM, jabatan/ agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini adalah demi menjamin keselamatan dan memelihara ketenteraman awam di Zon Selamat Sabah Timur (Esszone).

Selain itu, katanya, operasi juga bertujuan membanteras penyeludupan barang kawalan, bersubsidi, tidak bercukai serta mengekang penyusupan pendatang asing tanpa izin (PTI).

Di samping itu, Victor berkata, pihak berkuasa yang terlibat turut menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan lain, khususnya di kawasan pintu keluar masuk utama warga asing serta penduduk setempat yang menetap sekitar sempadan antara Malaysia - Indonesia di Pulau Sebatik.

Dalam pada itu, Victor menyatakan Esscom akan terus mempergiat operasi bersepadu seumpama ini ke daerah-daerah di Esszone, bagi mengekang mana-mana elemen jenayah rentas sempadan yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan kesejahteraan awam di Pantai Timur Sabah.

Sehubungan itu, masyarakat boleh menyalurkan maklumat berkaitan sebarang insiden keselamatan di Esszone ke Pusat Operasi Esscom pada talian 089-863 181 atau melalui WhatsApp 011-63311072.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 2

# Premis tular bukan lokasi sebenar: KPDN

**Winnie Kasmir**

SANDAKAN: Pengguna dinasihatkan agar tidak menularkan sebarang berita tidak sahih berkenaan ketidakpatuhan peniaga di media sosial, terutamanya berkaitan tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ketua Penguatkuasa KPDN Sandakan, Azdy Zukkry John berkata ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah faham dalam kalangan pengguna, khasnya di daerah ini.

"KPDN Sandakan pada 28 Jun telah mengambil tindakan terhadap salah sebuah pasar raya di daerah ini yang didapati menyimpan produk halal yang bercampur dengan produk tidak halal di dalam bilik sejuk yang sama.

"Berikutan tindakan tersebut, tular di media sosial gambar premis 'Ternakan Sri Jaya Sdn Bhd' yang didakwa sebagai lokasi kes terbabit.

"Pihak KPDN Sandakan ingin menjelaskan bahawa premis yang ditularkan itu bukan premis tempat kejadian," tegas Azdy.

Tambahnya, premis tersebut tidak ada sebarang kaitan dengan premis yang diambil tindakan oleh KPDN Sandakan.

Jelasnya lagi, siasatan terhadap premis sebenar yang diambil tindakan berhubung penyimpanan produk halal dengan produk tidak halal itu masih dijalankan oleh pihak KPDN Sandakan.

Kes tersebut disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [PerintahPerihal Dagangan (Takrif Halal) 2011].

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 4

# Peniaga berdepan tindakan undang-undang

## Jika kenakan caj tambahan kepada pengguna yang menggunakan pembayaran tanpa tunai: Armizan

Oleh Kenneddy Corlieus



SAMPAIKAN: Armizan mengabadikan gambar kenangan di hadapan bas dan lori sumbangan Sinyi Group.

PAPAR: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali memberi amaran tegas kepada peniaga yang mengenakan caj tambahan kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan transaksi bayaran tanpa tunai (cashless).

Beliau menegaskan ia jelas satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Mengenakan caj tambahan dalam transaksi 'cashless' menggunakan QR Code kepada pelanggan adalah salah di sisi undang-undang malah melanggar peraturan di bawah AKHAP 2011.

"Komitmen kerajaan jelas dalam masalah ini, Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah meletakkan peraturan bahawa tidak boleh dikenakan caj tambahan kepada pengguna atau pelanggan.

"KPDN bersama agensi berkaitan akan melaksanakan penguatkuasaan menyeluruh bagi memastikan tidak ada mana-mana peniaga mengambil kesempatan dan membelakangi undang-undang dalam perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Bas dan Lori Sumbangan Sinyi Group (SG) yang disampaikan Pengarahnya, Howard Chou dekat sini pada Sabtu.

Dalam perkembangan berkaitan, Armizan berkata belum ada sebarang akta atau undang-undang yang mewajibkan peniaga menyediakan perkhidmatan bayaran tanpa tunai.

Sebaliknya, ia adalah satu pilihan kepada mana-mana peniaga sama ada mahu melaksanakan perkhidmatan itu atau pun tidak dan begitu juga pengguna mempunyai pilihan sama ada mahu berbelanja di mana-mana premis.

"Tidak ada mana-mana akta atau peraturan termasuk di bawah KPDN yang menghalang mana-mana premis perniagaan mengkhususkan transaksinya dalam bentuk 'cashless'.

"Ia adalah keputusan (peniaga) komersial itu sendiri sama ada mahu membuka pilihan itu atau pun tidak (khidmat bayaran tanpa tunai). Terpulang kepada mana-mana peniaga.

"Begitu juga di pihak pengguna, mereka mempunyai hak memilih sekiranya merasakan ingin berbelanja menggunakan transaksi dalam tunai, boleh pilih premis yang sediakan perkhidmatan itu dan sebaliknya," katanya.

Jelas Armizan, terdapat juga banyak kawasan khususnya di Sabah yang belum mampu melaksanakan perkhidmatan 'cashless' di premis mereka ekoran ketiadaan liputan telekomunikasi sempurna.

Pada masa sama katanya, terdapat juga ramai pengguna masih belum biasa dengan transaksi 'cashless' kerana lebih selesa dengan urusan bayaran secara tunai.

"Masih terdapat juga masyarakat yang memerlukan transaksi tunai berbanding 'cashless', maka kita akan berunding dengan premis perniagaan ini supaya turut mempertimbangkan membuka ruang untuk transaksi tunai," katanya.

Beliau turut memaklumkan setakat ini KPDN telah menerima dua aduan rasmi mengenai ketiadaan perkhidmatan 'cashless' di salah satu premis perniagaan masing-masing satu di Kuala Lumpur dan Selangor.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 2/7/2024

M/SURAT: 8

# Sembunyi dadah 15 kg dalam kotak mi segera

**Sepang:** Seorang lelaki yang mengambil penerbangan ke Miri, Sarawak cuba mengaburi pihak berkuasa dengan menyembunyikan dadah dalam bungkusan teh serta kotak mi segera.

Bagaimanapun, taktiknya itu gagal selepas pemeriksaan oleh Pegawai Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dan anggota Aviation Security Malaysia Airport (Avsec).

Kejadian pada 16 Jun lalu di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) itu menemukan lebih 15 kilogram (kg) dadah bernilai RM760,000.

> "Kotak makanan milik lelaki itu didaftar masuk secara kendiri"
> Norlela

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, lelaki tempatan berusia 33 tahun itu kemudian ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kotak makanan milik lelaki didaftar masuk secara kendiri di kaunter syarikat penerbangan untuk ke Miri, Sarawak pada 7 malam.

"Pemeriksaan rapi pasukan menjumpai sejumlah 15 mampatan kristal putih yang disyaki dadah jenis ketamin yang diisi dalam bungkusan teh dan dimasukkan dalam kotak makanan berlabel mi segera, dengan anggaran berat kasar 15.181kg.

"Lelaki itu berjaya ditahan di pintu masuk sebelum kapal terbang berlepas," katanya pada sidang media di Bahagian Perkastaman Kargo, KLIA, semalam.

Beliau memaklumkan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti peranan suspek sama ada keldai dadah atau sebaliknya.

"Kes disiasat mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM Zon Tengah berjaya merampas dadah jenis *Methylene dioxymethamphetamine* (MDMA) di dalam kotak bungkusan kurier bernilai RM2.5 juta di Zon Bebas Kargo, KLIA.

Norlela berkata, bungkusan dari negara Eropah itu tidak dituntut pada 19 Jun lalu dialamatkan kepada satu syarikat tempatan.

"Hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan ke atas kotak menemui 15 termos yang mengandungi pil disyaki dadah jenis (MDMA), anggaran kasar seberat 14.663kg.

"Pihak kastam kini sedang mengesan syarikat berkenaan sama ada syarikat itu wujud atau sebaliknya, semak silang akan dilakukan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tindakan lanjut," katanya.




DADAH yang dirampas disimpan di dalam kotak mi segera.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lelaki mahu ke Miri diberkas kastam di KLIA2

# Sorok lebih 15kg dadah dalam kotak mi segera

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SEPANG

Cubaan membawa dadah dengan meletakkan di dalam kotak mi segera di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) di sini, untuk mengaburi pihak berkuasa hanya menjerat diri selepas ditahan, baru-baru ini.

Mahkamah & Jenayah

Tindakan itu dikesan Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dan anggota Aviation Security Malaysia Airport (AVSEC), pada 16 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah kotak makanan milik seorang lelaki yang didaftar masuk secara kendiri di kaunter sebuah syarikat penerbangan bagi penerbangan ke Miri, Sarawak pada jam 7 petang.

"Hasil pemeriksaan menjumpai sebanyak 15 mampatan kristal putih disyaki dadah jenis ketamin diisi di dalam bungkusan teh yang diisi ke dalam kotak makanan berlabelkan jenama mi segera kira-kira 15.181 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM760,000," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Perkastaman Kargo KLIA di sini, pada Isnin.

Beliau memberitahu, suspek dipercayai keldai dadah menggunakan modus operandi terbabit bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

Katanya, sindiket menggunakan daftar masuk kendiri bagasi untuk mengedar dadah ke lokasi-lokasi lain bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Suspek telah direman dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti jumlah upah yang diterima suspek," ujarnya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM Zon Tengah berjaya merampas bungkusan berisi dadah jenis MDMA di dalam satu kotak bungkusan kurier bernilai RM2.5 juta di Zon Bebas Kargo, KLIA Sepang, 19 Jun lalu.

Norlela berkata, bungkusan itu dipercayai dari negara Eropah dan dialamatkan kepada sebuah syarikat tempatan.

"Pemeriksaan ke atas kotak itu menemui 15 termos mengandungi pil disyaki dadah jenis MDMA kira-kira 14.663 kg.

"Pihak kastam kini sedang mengesan syarikat berkenaan sama ada wujud atau sebaliknya selain semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tindakan lanjut," tambah beliau dan kes itu disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



Norlela (tengah) dan pegawainya menunjukkan bungkusan teh selain kotak mi segera yang digunakan suspek untuk menyeludup dadah di KLIA2, pada 16 Jun lalu.

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 13

# JKDM rampas 30kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA

## Seorang lelaki tempatan yang dalam perjalanan ke Miri ditahan

**SEPANG:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas kira-kira 30 kilogram (kg) dadah bernilai RM3.2 juta dalam dua operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA Terminal 2) dan zon bebas kargo KLIA di sini, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata dalam operasi pada 16 Jun lepas, seorang lelaki tempatan berumur 33 tahun ditahan ketika cuba mendaftar masuk sebuah kotak makanan miliknya di kaunter kira-kira 7.30 malam.

"Hasil pemeriksaan kotak makanan itu menjumpai 15 mampatan kristal putih disyaki dadah jenis ketamin yang telah diisi di dalam bungkusan teh.



**TUMPAS:** Norlela (dua kanan) menunjukkan dadah yang disorokkan dalam bungkusan teh ketika sidang media di Sepang semalam. — Gambar Bernama

> Bungkusan itu kemudian diletakkan ke dalam kotak makanan berlabelkan jenama mi segera dengan anggaran berat kasar 15.181kg. Mampatan yang disyaki ketamin terbabit dianggarkan bernilai RM760,000.
>
> **Norlela Ismail**
> Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah

"Bungkusan itu kemudian diletakkan ke dalam kotak makanan berlabelkan jenama mi segera dengan anggaran berat kasar 15.181kg. Mampatan yang disyaki ketamin terbabit dianggarkan bernilai RM760,000," katanya dalam sidang media di sini semalam.

Beliau berkata modus operandi memasukkan dadah di dalam bungkusan teh serta diletakkan di dalam kotak makanan digunakan sindiket bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Sindiket juga menggunakan kaedah self check in bagasi untuk mengedar dadah ke lokasi lain," katanya dan menambah lelaki berkenaan dalam perjalanan ke Miri, Sarawak.

Dalam operasi pada 19 Jun pula, Norlela berkata pihaknya menemukan satu kotak bungkusan kurier yang diikrar di kawasan Zon Bebas Kargo, KLIA Sepang sebagai Njoy Caramel Cubes.

"Hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan terhadap kotak terbabit, pasukan telah menjumpai 15 termos berlabel Lavender 1000mL mengandungi pil-pil disyaki dadah jenis Methylenedioxymethamphetamine (MDMA).

"Anggaran kasar dadah ialah 14.663kg. MDMA yang disita dianggarkan bernilai harga pasaran RM2.5 juta," katanya.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kotak bungkusan mengandungi dadah itu adalah dari negara Eropah dan dialamatkan ke sebuah syarikat.

"Kita sedang melakukan semakan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan kebiasaannya syarikat yang dialamatkan tidak wujud," katanya.

Norlela berkata kedua-dua kes itu disiasat di bawah Seksyen 39(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, jika disabitkan kesalahan akan dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan akan dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang 12 sebatan sekiranya tidak dikenakan hukuman mati.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata JKDM turut menahan seorang warga asing kerana cuba membawa keluar mata wang hampir RM700,000 di KLIA Terminal 1 di sini pada 13 Jun lepas.

"Hasil pemeriksaan terhadap bagasi dibawa pengembara menemukan sejumlah mata wang Ringgit Malaysia pelbagai not berjumlah RM572,563 dan mata wang Dolar Singapura berjumlah SGD24,500 yang dimuatkan di dalam bagasi miliknya.

"Pengembara itu tidak membuat pengikraran terhadap amaun tunai yang hendak dibawa keluar dari Malaysia dan melanggar Peraturan 55(1)(b) Peraturan Kastam 2019.

"Peraturan berkenaan menyatakan pengembara yang ingin membawa keluar amaun tunai dan instrumen boleh niaga pembawa keluar dari Malaysia untuk mengikrarkannya menggunakan Borang Kastam No. 7 sekiranya amaun tunai atau instrumen boleh niaga pembawa melebihi atau bersamaan nilai US$10,000," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 2

# Dadah 30 kg hampir 'terbang' ke Miri




**NORLELA** Ismail ketika sidang media semalam. •Foto BERNAMA

**SEPANG:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas kira-kira 30 kilogram (kg) dadah bernilai RM3.2 juta dalam dua operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA Terminal 2) dan zon bebas kargo KLIA di sini, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata dalam operasi pada 16 Jun lepas, seorang lelaki tempatan berumur 33 tahun ditahan ketika cuba mendaftar masuk sebuah kotak makanan miliknya di kaunter kira-kira 7.30 malam.

"Hasil pemeriksaan kotak makanan itu menjumpai 15 mampatan kristal putih disyaki dadah jenis ketamin yang telah diisi di dalam bungkusan teh.

"Bungkusan itu kemudian diletakkan ke dalam kotak makanan berlabelkan jenama mi segera dengan anggaran berat kasar 15.181 kg. Mampatan yang disyaki ketamin terbabit dianggarkan bernilai RM760,000," katanya dalam sidang media di sini semalam.

Beliau berkata modus operandi memasukkan dadah di dalam bungkusan teh serta diletakkan di dalam kotak makanan digunakan sindiket bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Sindiket juga menggunakan kaedah self check in bagasi untuk mengedar dadah ke lokasi lain," katanya dan menambah lelaki berkenaan dalam perjalanan ke Miri, Sarawak.

Dalam operasi pada 19 Jun pula, Norlela berkata pihaknya menemukan satu kotak bungkusan kurier yang dikrar di kawasan Zon Bebas Kargo, KLIA Sepang sebagai Njoy Caramel Cubes.

"Hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan terhadap kotak terbabit, pasukan telah menjumpai 15 termos berlabel Lavender 1000ml mengandungi pil-pil disyaki dadah jenis Methylenedioxymethamphetamine (MDMA).

"Anggaran kasar dadah ialah 14.663 kg. MDMA yang disita dianggarkan bernilai harga pasaran RM2.5 juta," katanya.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kotak bungkusan mengandungi dadah itu adalah dari negara Eropah dan dialamatkan ke sebuah syarikat.

"Kita sedang melakukan semakan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan kebiasaannya syarikat yang dialamatkan tidak wujud," katanya.

Norlela berkata kedua-dua kes itu disiasat di bawah Seksyen 39(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, jika disabitkan kesalahan akan dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan akan dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang 12 sebatan sekiranya tidak dikenakan hukuman mati.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata JKDM turut menahan seorang warga asing kerana cuba membawa keluar mata wang hampir RM700,000 di KLIA Terminal 1 di sini pada 13 Jun lepas.

"Hasil pemeriksaan terhadap bagasi dibawa pengembara menemukan sejumlah mata wang Ringgit Malaysia pelbagai not berjumlah RM572,563 dan mata wang Dolar Singapura berjumlah SGD24,500 yang dimuatkan di dalam bagasi miliknya.

"Pengembara itu tidak membuat pengikraran terhadap amaun tunai yang hendak dibawa keluar dari Malaysia dan melanggar Peraturan 55(1)(b) Peraturan Kastam 2019.

"Peraturan berkenaan menyatakan pengembara yang ingin membawa keluar amaun tunai dan instrumen boleh niaga pembawa keluar dari Malaysia untuk mengikrarkannya menggunakan Borang Kastam No. 7 sekiranya amaun tunai atau instrumen boleh niaga pembawa melebihi atau bersamaan nilai AS$10,000," katanya. – Bernama

## WAKTU SOLAT
### NEGERI SARAWAK

| Zon | Imsak | Subuh | Syuruk | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 4:48 pg | 4:58 pg | 6:13 pg | 12:26 tgh | 3:52 ptg | 6:37 ptg | 7:53 mlm |
| 2 | 4:54 pg | 5:04 pg | 6:19 pg | 12:31 tgh | 3:58 ptg | 6:40 ptg | 7:55 mlm |
| 3 | 4:59 pg | 5:09 pg | 6:24 pg | 12:34 tgh | 4:00 ptg | 6:42 ptg | 7:57 mlm |
| 4 | 5:04 pg | 5:14 pg | 6:28 pg | 12:39 tgh | 4:04 ptg | 6:46 ptg | 8:02 mlm |
| 5 | 5:07 pg | 5:17 pg | 6:31 pg | 12:41 tgh | 4:06 ptg | 6:47 ptg | 8:02 mlm |
| 6 | 5:08 pg | 5:18 pg | 6:33 pg | 12:41 tgh | 4:06 ptg | 6:47 ptg | 8:02 mlm |
| 7 | 5:12 pg | 5:22 pg | 6:36 pg | 12:44 tgh | 4:09 ptg | 6:49 ptg | 8:04 mlm |
| 8 | 5:14 pg | 5:24 pg | 6:38 pg | 12:47 tgh | 4:12 ptg | 6:52 ptg | 8:07 mlm |
| ZON KHAS | 4:45 pg | 4:55 pg | 6:10 pg | 12:24 tgh | 3:49 ptg | 6:35 ptg | 7:50 mlm |

**ZON 1:** Limbang, Sundar, Trusan, Lawas

**ZON 2:** Niah, Bekenu, Miri, Sibuti, Marudi, Beluru

**ZON 3:** Tatau, Kuala Tatau, Sebauh, Bintulu

**ZON 4:** Igan, Oya, Balingian, Kapit, Mukah, Dalat, Sibu, Kanowit, Song

**ZON 5:** Belawai, Matu, Daro, Sarikei, Julau, Bintangor, Rajang Tanjung Manis

**ZON 6:** Kabong, Lingga, Sri Aman, Engkilili, Betong, Spaoh, Pusa, Saratok, Roban, Debak

**ZON 7:** Samarahan, Simunjan, Serian, Sebuyau, Meludam

**ZON 8:** Kuching, Lundu, Bau, Sematan

**ZON KHAS:** Kg Ulu Mengkak, Kg Sungai Merapok, Kg [illegible], Kg Bukit Puan, Kg [illegible], Kg [illegible], Kg Sesa, Kg Bukit Marong, Kg Merambai, Kg [illegible], Merapok, Kg Banyubaran, Kg Lelang Lelang, Kg Lempadi Lingan, Kg [illegible] Asai, Kg Langubah dan Kg Pelamair

Disediakan oleh Bahagian Falak
PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 2/7/2024
M/SURAT: 4

# Kenaikan kadar inflasi 1.7 peratus bersifat sederhana

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Ekonomi memaklumkan, kadar inflasi negara mencatatkan peningkatan kepada 1.7 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Bagaimanapun kata Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, peningkatan tersebut bersifat sederhana kerana pada suku keempat tahun lalu inflasi negara adalah pada paras 1.6 peratus.

Ujar beliau, dengan kadar inflasi di bawah paras dua peratus bagi kedua-dua suku berkenaan, ia menunjukkan bahawa peningkatan kadar harga barangan dan perkhidmatan adalah sederhana.

"Secara amnya, kadar inflasi di paras dua hingga tiga peratus dapat menjamin keseimbangan terhadap ekonomi sesebuah negara," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Seri Hishammuddin Hussein (**BN-Sembrong**) yang mahu kerajaan menyatakan sejauh manakah kadar inflasi mencerminkan realiti ekonomi dan peningkatan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh majoriti rakyat dan pengguna di negara ini.

Mengulas lanjut, Hanifah Hajar berkata, kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan keperluan dan kesejahteraan rakyat Malaysia dapat dipenuhi.

Menurutnya, pelbagai program dan inisiatif telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan terutamanya melibatkan program jangka panjang seperti meningkatkan bekalan dan jaminan makanan.

"Selain itu, kerajaan turut membangunkan Indikator Kos Sara Hidup oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah.

"Ketiga, melaksanakan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bertujuan untuk mengenal pasti isu semasa, di samping mengesyorkan tindakan susulan bagi menstabilkan harga barangan di Wilayah Borneo.

"Kajian ini dijangka dibentangkan pada Ogos depan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 2-Jul | Lapan pengusaha stesen minyak dikompaun, ber-sekongkol dengan penyeludup | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1106410/lapan-pengusaha-stesen-minyak-dikompaun-bersekongkol-dengan-penyeludup | HARIAN METRO |
| 2-Jul | Lapan stesen minyak Kelan-tan kena kompaun kerana jual bekalan kepada penyeludup | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1265581/lapan-stesen-minyak-kelantan-kena-kompaun-kerana-jual-bekalan-kepada | BERITA HARIAN |
| 2-Jul | Eight station operators in Kelantan fined RM24,000 for selling fuel to smugglers | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1070630/eight-station-operators-kelantan-fined-rm24000-selling-fuel-smugglers | NEW STRAITS TIMES |
| 2-Jul | KPDN fokus pastikan beka-lan gula sentiasa mencukupi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-fokus-pastikan-bekalan-gula-sentiasa-mencukupi | BERITA RTM |
| 2-Jul | Kain rentang promosi durian mengelirukan sudah di-turunkan - KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/672745/edisi/johor/kain-rentang-promosi-durian-mengelirukan-sudah-diturunkan--kpdn | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | Kerajaan laksana pelbagai inisiatif penuhi keperluan rakyat | https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-laksana-pelbagai-inisiatif-penuhi-keperluan-rakyat/#google_vignette | BULETIN TV3 |
| 2-Jul | JKDM rampas 30 kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://www.tvsarawak.my/2024/07/01/jkdm-rampas-30-kg-dadah-bernilai-rm3-2-juta-di-klia/ | TV SARAWAK |
| 2-Jul | Sorok dadah dalam bungku-san teh | https://www.buletintv3.my/jenayah/sorok-dadah-dalam-bungkusan-teh/ | BULETIN TV3 |
| 2-Jul | Dadah bernilai RM3.2 juta guna kotak mi segera, 15 termos dirampas | https://malaysiagazette.com/2024/07/01/dadah-bernilai-rm3-2-juta-guna-kotak-mi-segera-15-termos-dirampas/ | MALAYSIA GAZETTE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Jul | Lelaki ditahan, 'check in' da-dah ke Miri | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1106384/lelaki-ditahan-check-dadah-ke-miri | HARIAN METRO |
| 2-Jul | Cubaan seludup dadah da-lam kotak mi segera tumpas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/cubaan-seludup-dadah-dalam-kotak-mi-segera-tumpas/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 2-Jul | JKDM rampas 30kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1265593/jkdm-rampas-30kg-dadah-bernilai-rm32-juta-di-klia | BERITA HARIAN |
| 2-Jul | Selamba bawa dadah lebih 15kg dalam kotak mi segera | https://www.sinarharian.com.my/article/672709/berita/semasa/selamba-bawa-dadah-lebih-15kg-dalam-kotak-mi-segera | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | Jabatan Kastam rampas 30kg dadah di KLIA2 | https://www.malaysiakini.com/news/710412 | MALAYSIA KINI |
| 2-Jul | JKDM rampas 30kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/01/jkdm-rampas-30kg-dadah-bernilai-rm32-juta-di-klia | UTUSAN BORNEO |
| 2-Jul | JKDM rampas 30 kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkdm-rampas-30-kg-dadah-bernilai-rm3-2-juta-di-klia-477056 | ASTRO AWANI |
| 2-Jul | JKDM RAMPAS 30 KG DA-DAH BERNILAI RM3.2 JUTA DI KLIA | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2313015 | BERNAMA |
| 2-Jul | Kastam rampas 30kg dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/07/01/kastam-rampas-30kg-dadah-bernilai | FREE MALAYSIA TODAY |
| 2-Jul | PERSIDANGAN KEBANG-SAAN SSM KE-13 BIN-CANG KETELUSAN KOR-PORAT, DAYA TAHAN PERNIAGAAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313018 | BERNAMA |
| 2-Jul | Tiada kenaikan harga gula, itu spekulasi lama – Fuziah | https://mgperak.com/tiada-kenaikan-harga-gula-itu-spekulasi-lama-fuziah/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Jul | Tiada kenaikan harga gula di pasaran - Timbalan Menteri KPDN | https://www.suarakeadilan.my/post/tiada-kenaikan-harga-gula-di-pasaran-timbalan-menteri-kpdn | SUARA KEADILAN |
| 2-Jul | Sorok bekalan minyak masak, modus operandi berjaya dihidu KPDN Melaka | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sorok-bekalan-minyak-masak-modus-operandi-berjaya-dihidu-kpdn-melaka | BERITA RTM |
| 2-Jul | KPDN buka 15 kertas siasatan stesen minyak di sempadan | https://www.sinarharian.com.my/article/672794/berita/semasa/kpdn-buka-15-kertas-siasatan-stesen-minyak-di-sempadan | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | KPDN buka 15 kertas siasatan ke atas stesen minyak di sempadan | https://www.malaysiakini.com/news/710461#google_vignette | MALAYSIA KINI |
| 2-Jul | KPDN BUKA 15 KERTAS SIASATAN KE ATAS STESEN MINYAK DI SEMPADAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313127 | BERNAMA |
| 2-Jul | Kelantan KPDN opens 15 investigation papers on border petrol stations | https://thesun.my/local-news/kelantan-kpdn-opens-15-investigation-papers-on-border-petrol-stations-OA12650295 | THE SUN |
| 2-Jul | KPDN buka 15 kertas siasatan ke atas stesen minyak di sempadan | https://selangorkini.my/2024/07/kpdn-buka-15-kertas-siasatan-ke-atas-stesen-minyak-di-sempadan/ | SELANGOR KINI |
| 2-Jul | KPDN buka 15 kertas siasatan ke atas stesen minyak di sempadan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1106572/kpdn-buka-15-kertas-siasatan-ke-atas-stesen-minyak-di-sempadan | HARIAN METRO |
| 2-Jul | KPDN Johor terima aduan kain rentang promosi harga durian mengelirukan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1265673/kpdn-johor-terima-aduan-kain-rentang-promosi-harga-durian | BERITA HARIAN |
| 2-Jul | JKDM rampas 30 kilogram dadah bernilai RM3.2 juta di KLIA | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/jkdm-rampas-30-kilogram-dadah-bernilai-rm3-2-juta-di-klia | BERITA RTM |